



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 31 MAC 2023**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	TIDAK SAMPAI SATU PERATUS AMAL PERTANIAN ORGANIK, NASIONAL, SH -8	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	SALE OF PUFFER FISH CONTAINING TOXINS BANNED, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -5	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	18 MATI AKIBAT MAKAN IKAN BUNTAL SEJAK 1985, NEGARA, KOSMO -14	
4.	BUNTAL ADA TOKSIN BERBAHAYA TAK DIBENAR JUAL, NASIONAL, BH -7	
5.	PENGUSAHA BOT NELAYAN GESA KERAJAAN NAIKKAN SEMULA SUBSIDI MINYAK DIESEL, DALAM NEGERI, UM -31	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
6.	BEKALAN 90,000 TELUR AYAM HANYA CUKUP SEMINGGU, DALAM NEGERI, UM -31	LAIN-LAIN
7.	STRAY DOG SET ABLAZE IN ANOTHER CASE OF ANIMAL ABUSE, NATION, THE STAR -4	
8.	BEKALAN AYAM DI KEDAH MERUNCING MENJELANG SYAWAL, DALAM NEGERI, UM -30	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2023	SINAR HARIAN	NASIONAL	8

Tidak sampai satu peratus amal pertanian organik

KUALA LUMPUR - Tidak sampai satu peratus pekebun atau penternak berskala besar di negara ini yang mengamalkan pertanian organik.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu berkata, atas dasar itu kementeriannya bersama pihak swasta dan badan bukan kerajaan kini mengambil pendekatan agresif dalam mempromosikan amalan pertanian organik kepada pemain industri tempatan.

"Ketika ini kita beri penekanan melalui

dua teras, pertama memperluaskan promosi di peringkat domestik bagi produk premium istimewa seperti hasil organik dan makanan berkhasiat bagi menyokong perkembangan pengeluaran produk seumpamanya di pasaran.

"Kedua kita akan tingkatkan penerimgunaan pensijilan standard makanan dalam kalangan pengeluar makan termasuk myGAP dan myOrganic, dengan setiap bahan organik perlu dapat kelulusan dua badan ini," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2023	THE SUN	NEWS	5
WITHOUT BORDERS			

Sale of puffer fish containing toxins banned

PUTRAJAYA: Puffer fish which contain dangerous toxins are not allowed to be sold in Malaysia, said Health Director-General Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

He added that the sale of puffer fish is controlled under the Malaysian Fisheries Development Authority Act 1972 and that Section 13 of the Food Act 1983 prohibits the sale of any food that has any substance which is poisonous, harmful or otherwise injurious to health.

He said this following a report that an elderly woman in Kluang, Johor died of poisoning last Saturday while her husband was still being treated in the intensive care unit after consuming puffer fish.

Noor Hisham said data from the Disease Control Division of the Health Ministry showed that 58 puffer fish poisoning incidents involving 18 deaths were reported since 1985.

- Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2023	KOSMO	NEGARA	14



PENJUALAN ikan buntal adalah dilarang kerana mempunyai bahan beracun yang boleh memudaratkan kesihatan.

18 mati akibat makan ikan buntal sejak 1985

PETALING JAYA – Sebanyak 58 kes keracunan ikan buntal dilaporkan melibatkan 18 kematian sejak 1985 hingga Mac 2023 berdasarkan data Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian Kesihatan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1972 telah menerangkan dengan jelas tentang larangan penjualan ikan buntal.

“Di samping itu, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 telah menerangkan dengan jelas larangan dalam penjualan makanan yang mengandungi bahan beracun, berbahaya atau memudaratkan kesihatan.

“Oleh itu, ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya tidak dibenarkan dijual,” katanya dalam kenyataan semalam.

Noor Hisham menjelaskan, Bahagian Keselamatan dan

Kualiti Makanan (FSQD), KKM telah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

“KKM akan terus mendidik orang ramai tentang keselamatan makanan termasuk bahaya memakan ikan buntal.

“Tinjauan oleh FSQD, KKM pada tahun 2019 menunjukkan 86 peratus responden yang terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bahaya pengambilan ikan buntal,” katanya.

Sebelum ini *Kosmo!* melaporkan seorang wanita warga emas maut, manakala suaminya masih dirawat di unit rawatan rapi di Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom Kluang, Johor, selepas keracunan makanan akibat makan ikan buntal.

Buntal ada toksin berbahaya tak dibenar jual

Kuala Lumpur: Sebanyak 58 kes keracunan ikan buntal termasuk membabitkan 18 kematian, dilaporkan di negara ini, sejak 1985 hingga Mac tahun ini.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata larangan penjualan ikan buntal di negara ini, sudah ditetapkan dengan jelas mengikut Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1972.

Selain itu katanya, Seksyen 13 Akta Makanan 1983 turut menerangkan dengan jelas mengenai larangan penjualan makanan yang mengandungi atau di atasnya bahan beracun, berbahaya atau sebaliknya memudaratkan kesihatan.

"Oleh itu, ikan buntal yang mengandungi toksin berbahaya tidak dibenarkan dijual," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan (FSQD), Kementerian Kesihatan (KKM) sudah menghasilkan bahan pendidikan sebagai langkah meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung toksin berbahaya dalam ikan buntal.

"Malah, tinjauan yang dijalankan oleh FSQD KKM pada 2019 menunjukkan 86 peratus daripada responden yang terdiri daripada orang awam, penjual ikan, nelayan dan tukang masak mempunyai pengetahuan yang



Hidangan ikan buntal beracun yang menyebabkan seorang warga emas maut, manakala suaminya dirawat di ICU.

mencukupi mengenai bahaya pengambilan ikan buntal," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan seorang wanita maut, manakala suaminya kini dirawat dalam unit rawatan rapi (ICU) Hospital Enche' Besar Hajjah Kalsom (HEBHK) selepas makan hidangan ikan buntal.

Ikan buntal iaitu sejenis ikan yang juga disebut 'ikan fugu' tergolong dalam satu daripada jenis racun semula jadi yang paling bahaya dan mematikan di dunia, dibeli dari pembekal di Batu Pahat yang mendapatkan bekalan dari nelayan di Endau.

Racun yang dikenali sebagai

Peniaga perlu berwaspada dengan makanan dijual, termasuk ikan. Menjadi satu kesalahan jika terbukti mereka menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada di dalam atau padanya bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan



Zahari Sarip,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Kemajuan Luar Bandar Johor

kat penjualan ikan buntal di Johor.

Beliau berkata, selain menjadi menu makanan berasaskan ikan, buntal juga dijadikan ikan hiasan marin.

Katanya, peraturan berkaitan aktiviti pemasaran ikan juga tidak menyatakan secara spesifik bahawa ikan buntal dilarang untuk dijual.

Berkaitan larangan urus niaga ikan yang tidak selamat pula, beliau berkata, ia tidak membenarkan sebarang urus niaga, memproses, mengeksport atau mengimport ikan yang tidak selamat dimakan oleh manusia tanpa kebenaran.

"Namun, peniaga perlu berwaspada dengan makanan yang dijual, termasuk ikan.

"Menjadi satu kesalahan jika terbukti mereka menyediakan atau menjual apa-apa makanan yang ada di dalam atau padanya bahan beracun, merosakkan atau memudaratkan kesihatan.

"Apabila disabitkan dengan kesalahan, individu itu boleh dikenakan hukuman penjara tidak lebih lima tahun atau denda atau kedua-duanya mengikut Akta Makanan 1983 (Akta 281) dan Peraturan Peraturan: Bahagian III Kesalahan dan Keterangan - Seksyen 13 (1).

"Pengguna juga dimasalahkan agar lebih berhati-hati dalam menyediakan makanan berasaskan ikan atau ketika menikmati hidangan berasaskan ikan di restoran atau kedai makan," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Bekalan 90,000 telur ayam hanya cukup seminggu

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
 utusannews@medianesia.com.my

JERANTUT: Pengguna dijangka berdepan kesukaran memperoleh telur ayam menjelang Aidilfitri berikutan sudah ada tanda-tanda kekurangan bekalan itu di kedai runcit pinggir bandar, kampung dan Felda di daerah ini.

Difahamkan pada awal minggu ini, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) membekalkan 90,000 biji telur ke daerah ini, tetapi difahamkan ia hanya cukup untuk tempoh seminggu memandangkan permintaan yang agak tinggi daripada peniaga makanan dan penduduk yang mula membuat persiapan hari raya tidak lama lagi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, peniaga kedai runcit di pinggir bandar Jerantut, Jariah Ibrahim, 72, berkata, dia cuma memperoleh bekalan antara 10 hingga 15 papan telur setiap minggu daripada pemborong untuk menampung pembelian pengguna kawasan itu.

"Walaupun bekalan ada, tetapi nampak kian berkurangan dan tidak mencukupi kerana



SEORANG peniaga menunjukkan bekalan telur ayam yang semakin berkurangan di sebuah kedai runcit pinggir bandar di Jerantut, Pahang. - UTUSAN/HARIS FADILAH AHMAD

permintaan penduduk terlalu tinggi, lebih-lebih lagi pada bulan Ramadan dan menjelang Aidilfitri.

"Saya sememangnya ingin banyak telur ayam dijual di sini, tetapi pemborong cuma mem-

bekalkan dalam jumlah tersebut memandangkan peruncit lain pun memerlukan bekalan yang sama," katanya di sini semalam.

Menurut Jariah, dia cuma menjual telur ayam gred A dengan harga RM17 satu papan

dan kebiasaannya habis dalam tempoh dua hari, kemudiannya terpaksa menunggu bekalan baru daripada pemborong.

Seorang peniaga yang mahu dikenali sebagai Mear berkata, dia juga mengakui bekalan telur ayam semakin berkurangan ketika ini.

"Saya juga hairan, berikutan kekurangan tersebut sebelum ini kerajaan menerusi beberapa agensi pernah menguar-uarkan di media untuk menternak ayam daging serta menghasilkan telur di beberapa tempat di negeri ini yang boleh menampung permintaan pengguna, tetapi nampaknya keadaan (bekalan telur) masih di takuk lama," katanya.

Jelasnya, jika projek tersebut belum direalisasikan sudah tentu rakyat berdepan masalah barang keperluan dapur dan kerap kali berlaku ketiadaan bekalan khususnya ketika musim perayaan.

Sementara itu tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati, keperluan dapur seperti minyak masak dan ayam masih banyak dijual di pasar besar dan semua pasar raya bandar Jerantut dan pengguna tidak berdepan masalah berbelanja.

Pengusaha bot nelayan gesa kerajaan naikkan semula subsidi minyak diesel

KUANTAN: Pengusaha bot nelayan kelas B dan C di sini mengesah kerajaan meneliti semula subsidi minyak diesel yang dikurangkan sejak 1 Januari lalu.

Wakil pengusaha, Lee Bing Quan, 31, berkata, bagi bot nelayan Kelas B, subsidi minyak dikurangkan kepada RM14,000 berbanding RM16,000 manakala bagi kelas C pula, subsidi dikurangkan dari RM20,000 kepada RM17,000.

Jelasnya, jumlah itu hanya memadai menampung satu trip untuk lebih 10 hari perjalanan menangkap ikan.

"Kebiasaannya kami melakukan dua trip perjalanan dengan setiap satu trip bagi bot nelayan kelas C menelan kos minyak sekitar RM10,000.

"Bila ada subsidi minyak RM20,000, dapatlah buat dua trip perjalanan, namun sejak



KIRA-KIRA 100 pengusaha bot berkumpul dalam perhimpunan aman meminta kerajaan meneliti semula kadar subsidi diesel yang diberikan di hadapan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di Kuantan, Pahang. - UTUSAN/NORHAFFAZAN ZULKIFLI

subsidi dikurangkan, kami dapat melakukan satu trip dalam sebulan," katanya ketika ditemui selepas mengadakan himpunan aman bersama 100 pengusaha bot nelayan daerah ini bertempat di depan Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini semalam.

Disebabkan pengurangan itu, Bing Quan berkata, ia memberi kesan kepada pendapatan bukan hanya pengusaha bot, malah pekerja mereka.

Seorang lagi pengusaha bot nelayan, Ariping Mohd., 70, berkata, kesemua pengusaha bot nelayan bergantung sepe-

nuhnya kepada subsidi diesel dan tidak dibenarkan untuk membeli diesel dari luar.

"Kami hanya boleh beli minyak ikut kuota subsidi diesel yang dikeluarkan. Jika kami membeli minyak di luar, kami akan dikenakan tindakan seperti lesen digantung," katanya.

Stray dog set ablaze in another case of animal abuse

JOHOR BARU: Another case of animal cruelty has surfaced, this time involving a man who abused dogs and even set one on fire in Taman Impian Emas, Skudai.

The suspect was first caught on closed-circuit television (CCTV) abusing stray dogs at 11.02pm on March 8, where he threw some items at the dogs that were in a stairwell.

A March 14 CCTV recording then showed the suspect arriving at the location on a bicycle before he threw what looked like rocks towards the dogs.

Then on March 19, the suspect once again abused the animals and even set one of them on fire. The blazing animal could be seen running out of the stairwell.

His actions have angered netizens, with many condemning him for hurting the animals.

The suspect, believed to be a youth, could face a fine and jail time if convicted.

Johor Baru North acting OCPD Supt Fariz Ammar Abdullah said a police report regarding the incident was received at 2.59pm on Monday.

"Videos of the suspect abusing the dogs have gone viral, and the incidents were believed to have taken place near a veterinary clinic in Taman Impian Emas, Skudai here.

"The person who lodged the report wanted to bring the case to the Veterinary Services Department's attention on animal abuse," he said.

Supt Fariz Ammar added that the case is being investigated by the department under Section 29(1)(e) of the Animal Welfare Act 2015, which carries a fine of at least RM25,000 to RM100,000 or imprisonment of up to three years, or both, if found guilty.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	30



PEKERJA syarikat Ayam Bismi memproses ayam segar di pusat jualan utama mereka di Simpang Empat Kangkong. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Bekalan ayam di Kedah meruncing menjelang Syawal

Oleh **JAMLIHAH ABDULLAH**
 utusannews@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Masalah bekalan ayam dijangka turut melanda utara tanah air menjelang Syawal ini ekoran isu kekurangan anak ayam yang dialami penternak terutama di Kedah.

Pengarah Urusan Ayam Bismi di negeri ini, Mazlina Kamarudin berkata, pihaknya turut mengalami masalah untuk menambah bekalan ayam bagi menampung permintaan yang dijangka tinggi ketika Hari Raya Aidilfitri nanti.

"Setakat ini Ayam Bismi belum mengalami masalah kekurangan tetapi penternak lain sudah menyatakan bekalan

ayam akan meruncing kerana anak ayam susah dapat.

"Itu yang kami risaukan kerana syarikat kami juga meminta bekalan anak ayam yang lebih untuk Ramadan dan Syawal ini tetapi dikawal, pengeluaran anak ayam tidak bagi lebih sebab mereka kata anak ayam tak cukup. Oleh itu kita jangka menjelang Syawal nanti ayam memang berkurangan," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Menurut Mazlina, selain faktor kekurangan bekalan anak ayam, harganya yang dikatakan tinggi juga menjadikan semakin ramai penternak tersepit.

"Anak ayam terlalu mahal sekarang iaitu RM3.40 seekor berbanding, RM1.80 hingga

RM2.40 sebelum ini. Harga ini tak turun-turun jadi banyak penternak mengurangkan bekalan di ladang.

"Isu lain juga dikaitkan dengan ketidaktentuan industri ini termasuk subsidi yang katanya disambung namun belum dapat dituntut dari Januari sehingga sekarang. Banyak penternak kurangkan bekalan sebab tidak mahu tanggung kerugian," katanya.

Kata beliau, bekalan ayam berkurangan itu juga dikaitkan dengan masalah cuaca panas dan hujan yang tidak menentu ketika ini sekali gus mengakibatkan pelbagai penyakit serta membantutkan tumbesaran anak ayam.